

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : PERKEMBANGAN KURIKULUM
DALAM PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL

KOD MATA PELAJARAN : BBE 4122

KURSUS : SARJANAMUDA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009

JANGJA MASA : 1 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB SEMUA 75 SOALAN

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 21 MUKA SURAT BERCETAK**

SULIT

BBE 4122

- S1 Falsafah dalam perkembangan kurikulum Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV) adalah
- A sebagai bandingan pencapaian.
 - B untuk membangunkan pandangan.
 - C untuk mengandaikan maklumbalas.
 - D sebagai panduan membuat keputusan.
- S2 Segala pengalaman yang diperolehi pelajar selain dari apa yang ingin disampaikan oleh guru adalah
- A kurikulum nyata.
 - B kurikulum sebenar.
 - C kurikulum tersembunyi.
 - D kurikulum tidak diingini.
- S3 Perbezaan antara kurikulum dan pengajaran adalah
- A antara tugas mengajar dan tugas membimbing pelajar.
 - B antara belajar untuk kehidupan dan belajar untuk sara hidup.
 - C antara apa yang perlu diajar dan bagaimana perlu diajar.
 - D antara apa yang diajar dan bagaimana maklumbalas dicapai.
- S4 Peranan guru dalam melaksanakan kurikulum termasuklah
- A mengajar perkara yang betul bagi mencapai matlamat kurikulum.
 - B mengajar apa yang disukai murid bagi mencapai matlamat kurikulum.
 - C mengajar berpandukan buku teks bagi mencapai matlamat kurikulum.
 - D mengajar ikut skema peperiksaan bagi mencapai matlamat kurikulum.
- S5 Bagaimana aktiviti pembelajaran yang disusun dan disampaikan adalah
- A perancangan kurikulum.
 - B reka bentuk kurikulum.
 - C pelaksanaan kurikulum.
 - D penilaian kurikulum.

BBE 4122

- S6 Yang manakah bukan ciri-ciri kurikulum PLTV sebagai satu disiplin?
- A Teori dan prinsip bidang jelas
 - B Keahlian dan pengamal bidang.
 - C Kebal dari pengaruh ide dari bidang lain.
 - D Pengetahuan dan kemahiran mengikut disiplin
- S7 Sumber yang dirujuk oleh pengetua dalam memimpin kurikulum di sekolah adalah
- A akta, surat pekeliling ikhtisas dan surat pekeliling kementerian berkaitan kurikulum.
 - B segala keputusan lembaga penasihat sekolah dan dipersetujui guru-guru berkaitan kurikulum.
 - C visi dan misi sekolah, dan maklumbalas dari masyarakat sekitaran dan surat-surat rasmi oleh kementerian berkaitan kurikulum.
 - D surat-surat rasmi, keputusan mesyuarat ibu bapa guru dan kenyataan-kenyataan rasmi oleh kementerian berkaitan kurikulum.
- S8 Penekanan kepada interaksi antara guru, murid dan konten pengajaran adalah
- A ciri utama pendekatan kurikulum yang menekankan proses.
 - B ciri utama pendekatan kurikulum yang menekankan produk.
 - C ciri utama pendekatan kurikulum yang menekankan konten.
 - D ciri utama pendekatan kurikulum yang menekankan iklim.
- S9 Interaksi sosio-psikologikal antara guru dan murid merujuk adalah
- A kurikulum formal.
 - B kurikulum informal.
 - C kurikulum tersembunyi.
 - D kurikulum tidak diingini.
- S10 Membangunkan program kemahiran PLTV dengan teori yang minimum adalah konsep program
- A Latihan Prantisan.
 - B Sekolah Teknikal.
 - C Sekolah Vokasional.
 - D Sekolah Ketukangan.

- S11 Dalam konteks Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV/TVET), kurikulum hendaklah diaplikasi sebagai
- A Perantisan.
 - B Persediaan untuk kehidupan.
 - C Aspek teknikal dan manual pekerjaan.
 - D Persediaan untuk mendapatkan mata pencarian.
- S12 Ahmad yang bekerja sambil sebagai mekanik automotif mendapati pengalaman tersebut secara langsung membantunya dalam program Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif yang sedang diikuti di UTHM, adalah contoh hubungan antara
- A pendidikan teori dan pendidikan amali.
 - B pendidikan formal dan pendidikan informal.
 - C pendidikan formal dengan pendidikan non-formal.
 - D pendidikan untuk kehidupan dengan pendidikan untuk sara hidup.
- S13 Program Orientasi Sekolah sebelum bergraduat yang disertai Azizah berjaya memudahkan beliau menyesuaikan diri dalam masyarakat guru di sekolah beliau ditugaskan, adalah contoh hubungan antara
- A pendidikan teori dan pendidikan amali.
 - B pendidikan formal dan pendidikan informal.
 - C pendidikan formal dengan pendidikan non-formal.
 - D pendidikan untuk kehidupan dengan pendidikan untuk sara hidup.
- S14 Interaksi terancang antara pengajar dan pelajar lazimnya membuahkan hasil pembelajaran pelajar yang diinginkan, adalah sebab utama
- A pendekatan pembelajaran bermodul diperkenalkan dalam PLTV.
 - B pendekatan pembelajaran kontekstual diperkenalkan dalam PLTV.
 - C pendekatan pembelajaran sistem dual diperkenalkan dalam PLTV.
 - D pendekatan penaksiran berasaskan sekolah diperkenalkan dalam PLTV.

BBE 4122

- S15 UNESCO-UNEVOC mentakrifkan PLTV sebagai
- A segala proses pendidikan tambahan yang dapat memajukan diri supaya boleh mendapat pekerjaan yang memuaskan dan dapat menyara kehidupan.
 - B segala proses mendapatkan pengetahuan dan kemahiran untuk memajukan diri supaya boleh mendapat pekerjaan yang memuaskan dan dapat menyara kehidupan.
 - C segala proses sokongan pendidikan dan latihan yang disediakan untuk memajukan diri supaya boleh mendapat pekerjaan yang memuaskan dan dapat menyara kehidupan.
 - D segala program informal pasca sekolah yang disediakan untuk memajukan diri supaya boleh mendapat pekerjaan yang memuaskan dan dapat menyara kehidupan.
- S16 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dalam sub- seksyen 35 (2) mengklasifikasikan bidang latihan PLTV sebagai mencakupi kesemua yang berikut, *kecuali*
- A latihan kemahiran.
 - B latihan semua institusi swasta.
 - C latihan pengkhususan berkaitan pekerjaan.
 - D latihan peningkatan kemahiran sedia ada.
- S17 Sejak September 2006 Tabung Pinjaman Pembangunan Kemahiran diperkenalkan menerusi
- A Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
 - B Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628)
 - C Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652).
 - D Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566)
- S18 Konsep *Training Occupation* dalam Sistem Latihan Dual Nasional adalah merujuk kepada
- A program latihan mengikut pekerjaan.
 - B program latihan mengikut bidang ditawarkan.
 - C program latihan mengikut bidang kemahiran.
 - D program latihan yang dijalankan di dua premis.

- S19 Perbezaan utama antara NOSS dan NOCC dalam latihan PLTV adalah
- A NOCC adalah skim pensijilan NOSS yang baru diperkenalkan pada 2005 bagi menggantikan NOSS.
 - B NOSS adalah skim pensijilan berasaskan tahap kemahiran manakala NOCC adalah skim penaksiran berasaskan proses pekerjaan.
 - C NOSS adalah skim pensijilan berasaskan tahap penaksiran kompetensi NOCC adalah skim pensijilan kemahiran berasaskan proses pekerjaan.
 - D NOSS adalah skim akreditasi program berasaskan tahap kemahiran manakala NOCC adalah skim penaksiran berasaskan tahap kemahiran.
- S20 Program latihan dua tahun dengan 70-80 peratus dikendalikan di pekerjaan manakala baki 20-30 peratus di institusi latihan bertauliah merupakan ciri utama bagi
- A Sistem Latihan Dual Tiga Pihak.
 - B Sistem Latihan Dual Blok Masa.
 - C Sistem Latihan Dual Negara German.
 - D. Sistem Latihan Dual Negara Malaysia.
- S21 Sejak tahun 2006, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dikenali sebagai
- A Majlis Vokasional Malaysia.
 - B Jabatan Pembangunan Kemahiran.
 - C Suruhanjaya Pembangunan Tenaga Negara.
 - D Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Termaju.
- S22 Sejak institusi pertama ditubuhkan di Melaka pada tahun 1968, institusi ini telah bertambah menjadi 15 buah dan telah berjaya melatih sejumlah 100,742 pelatih pada tahun 2007. Tiga daripada institusi ini telah dinaik taraf. Fokus institusi ini juga telah berubah dari menghasilkan "*assembly workers*" kepada "*highly-skilled workers*".
- Petikan ini merujuk kepada
- A Institut Kemahiran MARA
 - B Kolej Kemahiran Belia Negara
 - C Institut Latihan Perindustrian
 - D Pusat Giat MARA

- S23 Yang manakah antara berikut **tidak** termasuk dalam bidang tugas Ketua Bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional di sekolah menengah Malaysia?
- A Bertanggungjawab kepada pengetua dalam hal ehwal kurikulum dan pentadbiran yang berkaitan dengan bidangnya.
 - B Membantu pengetua menyelia dan menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan bidangnya.
 - C Mengadakan program untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar
 - D Mengajar tidak lebih dari 18 waktu seminggu
- S24 Matapelajaran PLTV yang diperkenalkan pada peringkat sekolah rendah pada tahun 1989 adalah
- A Kemahiran Manipulatif.
 - B Kemahiran Hidup.
 - C Kemahiran Hidup Bersepadu.
 - D Kemahiran Asas Industri.
- S25 Mata pelajaran ini digubal untuk menanam kesedaran celik teknologi melalui penguasaan kemahiran praktis dan pengetahuan serta pemupukan sikap yang positif berasaskan teknologi dan keusahawanan.
- A Kemahiran Manipulatif.
 - B Kemahiran Hidup.
 - C Kemahiran Hidup Bersepadu.
 - D Kemahiran Asas Industri.
- S26 Mata pelajaran ini berasal dari hasrat memberikan kemahiran asas industri kepada pelajar di sekolah menengah harian.
- A Seni Perusahaan
 - B Kemahiran Asas Industri.
 - C Mata Pelajaran Vokasional
 - D Mata Pelajaran Asas Vokasional

- S27 Matlamat mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah adalah untuk membolehkan murid memperolehi kemahiran asas dan pengetahuan berasaskan teknologi dan keusahawanan supaya mereka dapat
- A menjalankan kerja-buat-sendiri, mereka cipta dan cenderung berusaha niaga serta mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik.
 - B menceburi dunia pekerjaan atau dalam bidang keusahawanan yang mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik.
 - C menjadi pelopor kepada pembangunan modal insan berkualiti tinggi yang mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik.
 - D mengusahakan tanah-tanah terbiar di kampung-kampung dan tidak berhijrah ke bandar serta mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik.
- S28 Prinsip kurikulum dalam PLTV boleh ditakrifkan sebagai
- A arahan pengurus yang perlu dipatuhi dari masa ke semasa.
 - B doktrin pernyataan asas kepercayaan berkaitan dengan falsafah.
 - C garis panduan bagi membina, mengamal dan menilai kurikulum.
 - D kriteria pengambilan pelajar sebagai pekerja apabila bergraduat
- S29 Berikut adalah petikan dari salah satu dari tiga kategori asas dalam latihan Teknik dan Vokasional.
- "Private enterprise does not play in such systems of technical and vocational education, except perhaps as provider of places for students who are required to spend practical work periods in industry. The stronger the government's claim to be sole responsibility for technical and vocational education, the more the bureaucratic system of planning, organisation and control."*
- Negara manakah yang diwakili oleh huraian di atas?
- A Amerika Syarikat
 - B Jepun
 - C Malaysia
 - D Germany

BBE 4122

- S30 Manakah antara berikut **bukan** kuasa nazir?
- A memberi nasihat mengenai kaedah pengajaran yang sesuai.
 - B memeriksa institusi pendidikan mengikut tempoh yang sesuai.
 - C bertanggungjawab memastikan taraf pengajaran yang memuaskan
 - D memutuskan bentuk tindakan ke atas guru yang tidak mencapai matlamat.
- S31 Matapelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah ditawarkan pada
- A Tahap Satu.
 - B Tahap Dua.
 - C Tahap Satu dan Tahap Dua.
 - D Tahap Pra-sekolah.
- S32 Semasa mengajar Cikgu Ahmad cuba menggalakkan pelajar menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian pelajar, masyarakat dan alam pekerjaan melalui aktiviti aktiviti hands-on pelajar yang terancang dengan rapi. Pendekatan pengajaran-pembelajaran ini adalah
- A pendekatan pembelajaran kontekstual.
 - B pendekatan pembelajaran socrates.
 - C pendekatan pembelajaran ketrampilan.
 - D pendekatan pembelajaran masteri.
- S33
- Pelajar dapat memproses maklumat atau pengetahuan baru dengan cara yang bermakna dalam rangka minda.
 - Maklumat disampaikan dalam konteks yang pelbagai dan bermakna kepada murid.
 - Guru mewujudkan kepelbagaian persekitaran pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan.
- Ciri-ciri yang di atas menggambarkan
- A pendekatan pembelajaran kontekstual.
 - B pendekatan pembelajaran akses sendiri.
 - C pendekatan pembelajaran ketrampilan.
 - D pendekatan pembelajaran masteri.

S34 Berikut adalah petikan dari dokumen kurikulum;

TINGKATAN : 4

BIDANG : REKABENTUK PERSEKITARAN – LANSKAP

TAJUK : TAMAN MINI SEKOLAH

MASA : 180 JAM

Aktiviti secara berkumpulan.

Aktiviti :

1. Penerangan guru tentang tajuk berdasarkan contoh yang disediakan: ABBM guru, contoh murid atau situasi sebenar.
2. Murid memberi pendapat.
3. Murid mencari maklumat berkenaan tugas
4. Murid membuat lakaran idea, lukisan perspektif, dan lukisan pelan secara berkumpulan.
5. Murid menghasilkan model
6. Sesi apresiasi hasil kerja.
7. Melaksanakan projek pada situasi yang sebenar (jika boleh).

Ciri-ciri yang di atas menggambarkan

- A pendekatan pembelajaran kontekstual.
- B pendekatan pembelajaran akses sendiri.
- C pendekatan pembelajaran ketrampilan.
- D pendekatan pembelajaran masteri.

S35 Rekabentuk kurikulum yang menekankan pembelajaran yang membolehkan murid mengakses sumber pembelajaran dan memperolehi pengetahuan dan kemahiran secara berdikari, adalah

- A pendekatan pembelajaran kontekstual.
- B pendekatan pembelajaran akses sendiri.
- C pendekatan pembelajaran ketrampilan.
- D pendekatan pembelajaran masteri.

S36 Cikgu Aminah merancang pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada penguasaan murid dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Pendekatan ini dikenali sebagai

- A pendekatan pembelajaran kontekstual.
- B pendekatan pembelajaran akses sendiri.
- C pendekatan pembelajaran ketrampilan.
- D pendekatan pembelajaran masteri.

- S37 Program penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut Kementerian Pelajaran Malaysia adalah termasuk
- A penggunaan untuk sesi tutorial, riadhah, penerokaan dan sosial.
 - B penggunaan untuk sesi tutorial, penerokaan, aplikasi dan komunikasi.
 - C penggunaan untuk sesi tutorial, berkenalan, penerokaan dan komunikasi.
 - D penggunaan untuk sesi tutorial, dan pembelajaran alternatif secara bebas.
- S38 Mengikut Kurikulum Bestari, ICT diguna untuk mengukuhkan penyampaian isi pelajaran berdasarkan urutan yang telah ditetapkan yang merangkumi pembelajaran ekspositori, demonstrasi sesuatu fenomena yang ditunjukkan dan dikawal urutan, babaknya oleh sistem, dan latihan atau latih tubi yang disampaikan dan dikawal oleh sistem. Takrifan ini adalah untuk maksud ICT untuk pembelajaran dalam sesi
- A tutorial.
 - B kuliah.
 - C penaksiran.
 - D ko-kurikulum.
- S39 *"In class, try to avoid telling your students any answers Do not prepare a lesson plan. Instead, confront your students with some sort of problem which might interest them. Then, allow them to work the problem through without your advice or counsel. Your talk should consist of questions directed to particular students, based on remarks made by those students. If a student asks you a question, tell him that you don't know the answer, even if you do. Don't be frightened by the long stretches of silence that might occur. Silence may mean that the students are thinking."*
- Kenyataan di atas sesuai dengan pendapat falsafah pendidikan
- A konsumerisme.
 - B kognitivisme.
 - C konstruktivisme.
 - D konsultivisme.

BBE 4122

- S40 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Jadual Subseksyen 18(2) adalah berkaitan dengan
- A Kurikulum Kebangsaan dan penentuan pengetahuan, kemahiran dan nilai.
 - B Kurikulum Kebangsaan sektor latihan teknikal pra-pekerjaan negara.
 - C Kurikulum Kebangsaan, mata-mata pelajaran vokasional dan kuasa nazir.
 - D Kurikulum Kebangsaan, Lembaga Akreditasi Negara dan kuasa nazir.
- S41 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1991 Kementerian Pendidikan Malaysia** menyebut sukatan pelajaran dan peruntukan masa untuk mata-mata pelajaran program Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bagi sekolah menengah atas mulai tahun 1992 menetapkan pelajar yang mengambil dua/ tiga mata pelajaran Sains Tulen
- A dibolehkan mengambil lima mata pelajaran elektif.
 - B dibolehkan mengambil mana-mana mata pelajaran elektif.
 - C dibolehkan mengambil seberapa banyak mata pelajaran elektif.
 - D perlu disaring terlebih dahulu untuk mengambil mata pelajaran elektif.
- S42 Kandungan mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah menumpu kepada bidang pembelajaran
- A Reka Bentuk dan Teknologi, ERT, Pertanian dan Keusahawanan.
 - B Reka Bentuk dan Teknologi, Reka Cipta dan Sains Pertanian.
 - C Reka Bentuk dan Teknologi, Kultura Perkebunan dan Perdagangan.
 - D Reka Bentuk dan Teknologi, dan Perniagaan dan Keusahawanan .
- S43 Empat aktiviti utama dalam pelaksanaan kurikulum PLTV di sekolah adalah
- A menganggar bajet dan komitmen ibubapa.
 - B perancangan, pengelolaan, pengarah dan kawalan.
 - C mengurus disiplin, agihan bahan dan aktiviti bengkel.
 - D menetapkan halatuju dan pengalaman pembelajaran.

BBE 4122

- S44 Objektif paling asas program PLTV mengikut Rupert Evans (1971) adalah
- A memastikan keperluan fungsi sosial individu tercapai.
 - B memastikan keperluan kesarjanaan individu tercapai.
 - C memastikan setiap individu dilatih menjadi pekerja.
 - D memastikan keperluan pembangunan insaniah tercapai.
- S45 Faktor yang perlu dipertimbangkan dalam membuat unjuran keperluan masa depan program PLTV adalah
- A kadar kecederaan pekerja.
 - B kadar kemalangan maut pekerja.
 - C kadar kelahiran negara.
 - D kadar pengangguran negara.
- S46 Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah digubal dengan merujuk kepada
- A Penyata Barnes.
 - B Penyata Fenn-Wu.
 - C Penyata Razak.
 - D Penyata Khir
- S47 Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Mengira (KIA2M), Program Tiga M (PROTiM) dan kelas-kelas pemulihan serta kelas pemulihan inklusif bagi murid berkeperluan khas adalah sebahagian daripada
- A usaha mengukuhkan budaya sekolah Sekolah Kebangsaan.
 - B usaha memantapkan kualiti guru dan kepimpinan guru besar.
 - C usaha memantapkan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira.
 - D usaha memperluaskan program para sekolah Sekolah Kebangsaan.
- S48 MPV menyediakan pilihan pelajaran vokasional yang berbentuk *hands-on* kepada murid
- A yang berkebolehan akademik di sekolah menengah harian.
 - B yang kurang minat akademik di sekolah menengah harian.
 - C yang berkebolehan akademik di sekolah menengah vokasional.
 - B yang kurang minat akademik di sekolah menengah vokasional.

- S49 MPAV diperkenalkan untuk memberi lebih ruang dan peluang kepada murid
- A menguasai pengalaman pekerjaan sebenar yang relevan dengan keperluan semasa.
 - B menguasai ilmu-ilmu vokasional yang membolehkan mereka menyambung ke universiti.
 - C menguasai ilmu-ilmu vokasional yang relevan dengan keperluan semasa.
 - D menggabungkan ilmu-ilmu vokasional dengan prinsip sains dan matematik yang relevan.
- S50 “*Motivation » Comprehension » Application » Evaluation*”
- Manakah daripada model pengajaran berikut selari dengan fasa-fasa pengajaran seperti di atas?
- A Model *ASSURE*
 - B Model *Contextual*
 - C Model *Conventional*
 - D Model *Competency-based*
- S51 Anda mengajar pelajar Kolej Komuniti aktiviti mereka bentuk kereta prototaip kawalan jauh sebagai projek kumpulan mereka. Domain pembelajaran yang manakah pengajaran ini seharusnya berlaku?
- A Kemahiran sosial
 - B Kemahiran kognitif
 - C Kemahiran psikomotor
 - D Kemahiran membuat model
- S52 Berikut adalah sebahagian contoh-contoh cabaran yang dihadapi guru vokasional dalam menjalankan tugas harian mereka. Manakah yang **tidak** dikatakan sebagai cabaran pengurusan?
- A Kekurangan peralatan
 - B Melaksanakan peraturan keselamatan
 - C Kesukaran mengendalikan dinamika kumpulan pelajar
 - D Kesukaran mengendalikan kelas kerana guru kurang mahir pedagogi

- S53 Dalam konteks pembelajaran psikomotor, ciri-ciri berikut dapat membezakan pembelajaran pelbagai jenis tugas (task). Yang manakah **bukan ciri** pembelajaran tersebut?
- A aras kesukaran
 - B kategori pembelajaran
 - C strategi pembelajaran
 - D hasil pembelajaran
- S54 Dalam konteks komponen utama sistem pendidikan, yang manakah daripada berikut merupakan peranan utama seorang guru teknikal dan vokasional di sekolah?
- I Pembelajaran
 - II Menilai kurikulum
 - III Pengurusan pendidikan
 - IV Penilaian dan pengukuran
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C I dan IV sahaja
 - D I, III dan IV sahaja
- S55 Pelajar anda sedang menjalankan amali pendawaian elektrik di bengkel. Walau bagaimanapun kebanyakan mereka tidak jelas tentang apa yang perlu dicapai di akhir sesi tersebut. Apakah komponen pengajaran yang bermasalah dalam situasi ini?
- A Objektif
 - B Kaedah
 - C Kandungan
 - D Ketrampilan

Soalan S56 hingga S57 adalah berdasarkan petikan berikut;

MATA PELAJARAN KATERING DAN PENYAJIAN

Mata pelajaran ini bertujuan melahirkan murid yang mempunyai kemahiran dalam bidang pengendalian dan penyajian makanan. Dalam pembelajaran katering, murid mempraktikkan kemahiran menyediakan, memasak, menghias, menghidang dan mengepek makanan pelbagai resipi asas. Dalam pembelajaran penyajian, murid mengenal pasti peralatan menghidang, menyediakan perunggu meja, menggubah bunga, melipat napkin dan mempraktikkan prosedur melayan pelanggan. Dengan kemahiran yang diperolehi, murid boleh berkecimpung dalam bidang katering atau masakan sebagai tukang masak, peramu saji atau pembantu katering.

- S56 Petikan ini diambil daripada satu dokumen kurikulum. Manakah daripada yang berikut merupakan nama yang paling tepat kepada dokumen tersebut?
- A Silibus
 - B Buku teks
 - C Modul pembelajaran
 - D Panduan kurikulum (curriculum guide)
- S57 Berpandukan petikan berkenaan, manakah daripada yang berikut boleh diaplikasi untuk mentakrifkan istilah kurikulum?
- A Sistem latihan
 - B Pengalaman pembelajaran
 - C Mata pelajaran perlu dipelajari
 - D Hasil pembelajaran yang diharapkan
- S58 Geran pelancaran kadang kala merupakan satu isu dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum baru. Manakah antara berikut **tidak** berkaitan dengan isu ini?
- A Latihan guru
 - B Kemudahan fizikal
 - C Kemudahan peralatan
 - D Peruntukan kewangan

S59 *Job Profile Chart* atau Carta Profil Pekerjaan adalah satu dokumen yang sering digunakan untuk menentukan isi kandungan kursus vokasional. Manakah antara berikut sangat berkaitan dengan profil ini?

- A Modul pembelajaran
- B Standard kemahiran pekerjaan
- C Huraian sukatan pelajaran
- D Standard kemahiran psikomotor

S60 “(2) Bagi maksud subseksyen (1), pendidikan teknik termasuklah penyediaan-
(a) latihan kemahiran;
(b) latihan khusus yang berhubung dengan pekerjaan tertentu;
(c) latihan yang meningkatkan yang sedia ada; dan
(d) apa-apa latihan teknik atau vokasional lain yang diluluskan oleh menteri.”

Petikan ini adalah merupakan sebahagian kandungan

- A Akta 660
- B Akta Latihan
- C Akta Pendidikan
- D Akta Keselamatan Pekerjaan

Soalan S61 hingga S63 adalah berdasarkan matlamat kurikulum Membuat Perabot Tingkatan 4 dan 5 seperti berikut;

Melahirkan murid yang berkemahiran mereka bentuk, membuat dan membaik pulih perabot dengan mengamalkan budaya kerja yang baik dan selamat serta boleh menjalankan perniagaan sendiri atau berupaya menjadi penyumbang tenaga kerja mahir di industri pembuatan perabot

S61 Apakah kegunaan pernyataan matlamat kurikulum seperti di atas kepada guru yang akan mengajar subjek berkenaan?

- A Memberi panduan arah tuju pembelajaran
- B Asas kepada penulisan objektif setiap pengajaran
- C Untuk menyediakan kemudahan fizikal dan peralatan
- D Menggambarkan proses pembelajaran yang akan berlaku

- S62 Tujuan utama mata pengenalan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) seperti Membuat Perabot di sekolah menengah akademik oleh Kementerian Pelajaran ialah
- A memperluas skop PLTV/TVET di Malaysia.
 - B memenuhi permintaan tenaga mahir oleh pihak industri.
 - C memperluaskan penawaran mata pelajaran vokasional ke sekolah menengah akademik.
 - D memberi peluang pelajar yang lemah akademik mendapat kemahiran kebolehpekerjaan (*employability*).
- S63 Apakah aspek utama yang harus diberikan penekanan dalam melaksanakan kurikulum ini?
- A Ketrampilan
 - B Budaya kerja
 - C Keusahawanan
 - D Pengetahuan teknologi
- S64 Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia merumuskan bahawa kurikulum sekolah sebagai
- A suatu bahan pengajaran yang perlu dimanfaatkan bagi mencapai penghasilan pembelajaran yang dihasratkan.
 - B suatu pengalaman pembelajaran yang terancang ke arah mencapai penghasilan pembelajaran yang dihasratkan.
 - C suatu interaksi kreatif guru dan murid tanpa terancang ke arah mencapai penghasilan pembelajaran yang dihasratkan.
 - D suatu pengalaman pembacaan bebas dan sumbangsaran ke arah mencapai penghasilan pembelajaran yang dihasratkan.
- S65 Kursus Jahitan dan Fesyen Pakaian Wanita yang ditawarkan oleh Syarikat Kamaris boleh dijadikan satu contoh kurikulum latihan.
- A berasaskan modul
 - B berasaskan standard swasta
 - C berasaskan standard kemahiran
 - D berasaskan keperluan masyarakat

BBE 4122

Soalan S66 hingga S69 adalah berdasarkan iklan daripada akhbar NST bertarikh 3 September 2009 seperti berikut:

ELECTRONIC TECHNICIAN urgently required. Diploma with experience in Printed Circuit Board (PCB) repair. Contact e-mail aaa@pc.iaring.my or telephone Simon at 03 780xxxx

- S66 Sekiranya pelajar Tingkatan 4 bertanyakan kepada anda di mana beliau boleh mendapatkan latihan bagi pekerjaan tersebut, yang manakah daripada institut berikut paling sesuai dicadangkan?
- A Kursus di Politeknik
 - B Latihan di institusi swasta
 - C Institut latihan perindustrian
 - D Sekolah menengah vokasional
- S67 Yang manakah daripada ciri kurikulum PLTV/TVET berikut dapat dibuktikan oleh iklan tersebut?
- A Dinamik
 - B Kos yang tinggi
 - C Hasil yang eksplisit
 - D Hubungan dengan industri
- S68 Yang manakah daripada unsur berikut harus terkandung di dalam kurikulum bagi kursus *ELECTRONIC TECHNICIAN* seperti pada iklan tersebut?
- I Ketrampilan teknikal
 - II Kemahiran generik
 - III Pengetahuan berkaitan
 - IV Pengalaman industri
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D Semua I, II, III dan IV
- S69 Kurikulum bagi kursus *ELECTRONIC TECHNICIAN* seperti pada iklan tersebut dapat menyumbang kepada tenaga pekerja untuk sektor
- A utiliti.
 - B *binaan (building)*.
 - C perkhidmatan (*service*).
 - D pembuatan (*manufacturing*).

BBE 4122

- S74 Yang manakah antara pernyataan berikut **tidak benar** bagi Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah-sekolah menengah Malaysia?
- A Mula dilaksanakan pada tahun 2002.
 - B Setelah tamat latihan, pelajar akan dianugerahkan SKM 2.
 - C Melibatkan 22 matapelajaran dan dilaksanakan secara berperingkat.
 - D Setiap sekolah boleh melaksanakan tidak lebih dari 4 matapelajaran MPV.

- S75
- 3.1.2 Pengalaman dan latihan terdahulu pelatih diambilkira untuk pengecualian.
 - 3.1.3 PB perlu menyediakan khidmat sokongan seperti kelas tambahan, kemudahan latihan, bimbingan berterusan dan lain-lain bagi kelancaran pelaksanaan.
 - 3.1.4 Penguatkuasaan adalah pada Tahap semasa pelajar pada tarikh 01 Jun 2006

Petikan di atas adalah merujuk kepada satu dokumen penting yang berkaitan dengan

- A Manual program internship Pegawai Latihan Vokasional
- B Pembangunan dan aplikasi '*Learn and Work Assignments*'
- C *Training Pathway* untuk pekerja yang ingin mendapatkan kemahiran baru.
- D Panduan pelaksanaan *National Competency Standard (NCS) - CORE Abilities*.